

NOTA PENASIHAT

Kompetensi Penjawat Awam di Malaysia dalam Bidang Tanah, Ukur dan Pemetaan: Peranan INSTUN

Norehan Haji Omar

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), 35950 Behrang Ulu, Perak

e-mel: norehan@instun.gov.my

Kompetensi merujuk kepada kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap atau dengan jayanya. Bagi penjawat awam di Malaysia pula, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menjelaskan bahawa kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab.

Prinsip asas kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang penjawat awam akan meningkat jika ia mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Pekeliling tersebut juga telah menetapkan bahawa satu peratus (1%) dari jumlah emolumen tahunan sesebuah kementerian atau jabatan adalah untuk latihan. Pekeliling yang sama juga menyebut bahawa perlu dipastikan bahawa anggota perlu hadir berkursus sebanyak sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun.

Di peringkat kementerian pula ditubuhkan jawatankuasa khas yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Dasar Latihan (JKDL). Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat bagi merancang, melaksana dan memantau dasar latihan bagi kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Data berkenaan aspek latihan ini perlu direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) dan juga terkini iaitu HRMIS. Pemberian markah bagi Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) juga turut mengambil kira aspek latihan atau kursus. Latihan atau kursus juga dibenarkan sehingga ke luar negara. Demikianlah perihal pentingnya aspek latihan dalam meningkatkan kompetensi pekerja atau modal insan khususnya di sektor awam.

Seterusnya, bagi tujuan latihan dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan maka wujudlah Institut Tanah dan Ukur Negara yang lebih dikenali dengan singkatan INSTUN. INSTUN adalah satu-satunya institut latihan awam (ILA) di Malaysia yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan.

Institut ini telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 9 Julai 1997. Ia mula beroperasi sepenuhya di kampus utama di Behrang Ulu, Tanjung Malim, Perak pada 15 November 2001. Permulaannya, INSTUN adalah di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK) dan juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Terkini, selepas rombakan kabinet berikutan Pilihanraya Umum ke 14 (PRU 14) pada tahun 2018, maka INSTUN sekarang bernaung di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) yang diterajui oleh YB Dr. Xavier Jayakumar.

Tujuan asalnya, INSTUN ditubuhkan adalah untuk memberi latihan kepada penjawat awam sahaja atau *in service training* kepada pegawai dan staf di JKPTG, pejabat tanah di daerah-daerah di negeri-negeri (PTD), Pejabat Tanah dan Galian Negeri-negeri (PTG), JUPEM Ibu Pejabat dan JUPEM Negeri-negeri. Ini adalah kerana INSTUN berasal dari gabungan Seksyen Latihan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Seksyen Latihan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Perihal pentingnya INSTUN dalam memberikan latihan dan kursus bagi membantu meningkatkan kompetensi penjawat awam dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan ini bolehlah disandarkan kepada data-data yang tersimpan iaitu dari tahun 2015 sehingga ke tahun 2018. Data telah menunjukkan bahawa sejumlah 25,835 orang peserta telah mendapat manfaat dari 524 buah kursus yang telah pun dilaksanakan dalam tempoh empat tahun (2015-2018).

Adalah menjadi KPI bagi setiap tahun untuk INSTUN merancang dan melaksanakan di antara 100-250 buah kursus. Majoriti kursus dalaman adalah bagi dua bidang utama iaitu bidang tanah serta ukur dan pemetaan. Bagi bidang ukur dan pemetaan, kursus-kursus yang ditawarkan mencakupi antaranya GIS, ARGIS, UAV, LIDAR, SAR, aplikasi peta, handled GPS, 3D Model Terrestrial Laser Scanning, web GIS, GNSS, astronomi, persempadanan darat, persempadanan laut, hidrografi, koordinat, kendalian dan selenggaraan mesin gergaji berantai, *MapInfo*, *autocad* dan lain-lain.

Sementara itu, kursus-kursus bagi bidang pengurusan dan pentadbiran tanah pula meliputi subjek asas pentadbiran tanah, notis berkaitan tanah, pelupusan tanah, pendaftaran tanah, pembangunan tanah, pengurusan tanah tinggi, penyiasatan berkaitan tanah, faraid berkaitan tanah, pengurusan harta pusaka berkaitan tanah, kawasan tanah berkelompok (GSA), pengambilan tanah (APT), hakmilik strata (AHS) dan lain-lain.

Kini, kursus-kursus dalam bidang pengurusan dan pentadbiran tanah yang dilaksanakan di INSTUN juga telah dibuat penambahbaikan dengan memasukkan elemen IT atau teknologi maklumat. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan dan juga peranan oleh JKPTG. Beberapa sistem yang berkaitan dengan bidang tanah ialah Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), Sistem Pungutan Hasil Tanah Berkomputer (SPHT), Sistem Pengambilan Balik Tanah (SPBT) dan sekarang adanya sistem eTanah.

Sistem eTanah merupakan salah satu program kerajaan ke arah merealisasikan Kerajaan Elektronik dalam usaha menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Terdapat sembilan modul utama urusan tanah dalam eTanah iaitu pendaftaran, hasil, consent, strata, pembangunan, penguatkuasaan, lelong, pengambilan dan lesen serta pelupusan.

Sistem eTanah telah mula digunakan dalam pentadbiran tanah di Pulau Pinang mulai tahun 2007. Namun, pada masa itu hanya terdapat enam modul utama sahaja yang dapat dilaksanakan. Kemudian, sistem ini telah ditambahbaik dan diperluaskan ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia secara berfasa dan berperingkat. Sistem eTanah dengan sembilan modul sepenuhnya adalah bermula di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG WPKL) yang mana telah bermula sejak tahun 2014. Majlis pelancaran rasmi eTanah di PTG WPKL telah diadakan pada tahun 2017.

Seterusnya, sejak inisiatif *One Piece Flow (OPF)* di bawah eTanah diperkenalkan pada Januari 2010 terbukti aliran wang yang beredar dalam pasaran harta tanah telah meningkat kepada RM22.9 bilion bagi suku pertama tahun tersebut berbanding sebanyak RM18.3 bilion bagi tempoh yang sama dalam tahun sebelumnya. OPF bermaksud penerimaan mana-mana perserahan dokumen pindahmilik tanah yang lengkap dan sempurna untuk didaftarkan dalam tempoh masa satu hari bekerja bagi *landed property*.

eTanah juga telah membantu meningkatkan hasil kutipan kerajaan persekutuan bagi duti setem yang mana dianggarkan peningkatan sebanyak RM3.3 bilion daripada transaksi urusan tanah iaitu dari jumlah RM70.4 bilion tanpa eTanah kepada RM73.7 bilion. Di peringkat dunia, World Bank telah meletakkan Malaysia di tempat ke 40 daripada 140 buah negara di dunia bagi kejayaan mengurangkan bilangan prosedur dan masa untuk pendaftaran transaksi urusan tanah melalui sistem eTanah. Sistem eTanah juga telah memenangi tempat pertama kategori perkhidmatan awam dalam ASEAN ICT Award pada tahun 2018.

Kursus-kursus yang dilaksanakan di INSTUN adalah mematuhi ISO di bawah SIRIM iaitu MS ISO 9001: 2015. Kursus-kursus dalaman yang telah dilaksanakan ini majoriti adalah diadakan di dalam kampus INSTUN sendiri dengan menggunakan peruntukan belanja mengurus dari kerajaan. Kursus-kursus turut dilaksanakan di luar kampus secara kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkepentingan di tempat-tempat yang dipersetujui bersama yang dinamakan sebagai kursus jemputan.

INSTUN juga telah melebarkan sayap bagi aspek kerjasama strategik dengan mengadakan beberapa buah perjanjian persefahaman (MoU) meliputi universiti tempatan, jabatan dan agensi kerajaan. Kerjasama strategik ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan baik dua hala dan juga perkongsian pintar dalam pelbagai aspek latihan dan kursus bagi kedua-dua pihak dan seterusnya negara. Tahun 2015 telah membawa sejarah pertama buat INSTUN dengan termeterainya MoU bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). MoU bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak pula telah dimeterai pada tahun berikutnya iaitu tahun 2016. Jabatan kerajaan yang pertama bagi MoU ialah Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perak yang dimeterai pada tahun 2018. Kini, INSTUN sedang dalam proses untuk memeterai MoU bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Seiring dengan usianya yang telah melepassi dua dekad dan juga visi untuk menjadi institut latihan yang bertaraf dunia, INSTUN telah berjaya membuat beberapa nilai tambah seperti membuka peluang penyertaan kepada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk institut pengajian tinggi awam, swasta dan juga pelajar sekolah serta peserta luar negara. INSTUN telah terus mengorak langkah ke hadapan dengan berjaya melaksanakan beberapa siri kursus bagi peserta luar negara terutama negara-negara dunia ketiga dengan kos yang dibiayai oleh Kementerian Luar Negeri (KLN).

Program yang dibiayai oleh KLN ini dinamakan sebagai Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP). INSTUN telah berjaya melaksanakan sebanyak empat (4) buah program MTCP iaitu pada tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018. Seramai 64 orang peserta luar negara dari 44 negara dunia ketiga telah menyertainya. Antara negara-negara tersebut ialah Bahrain, Bhutan, Cambodia, Colombo, Egypt, Fiji, Malawi, Mauritius, Myammar, Oman, Pakistan, Filipina, Sudan, Tonga, Turkey, Uganda, Zimbabwe, Azerbaijan, Maldives, Senegal, Vietnam, dan lain-lain. Program ini bertempat di kampus INSTUN sendiri.

Dua (2) bidang utama yang terlibat ialah dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan yang bertajuk: *Survey and Mapping Practices* dan *Roles and Contributions of Land Administration in Malaysian Development*.

Tahun 2020 ini maka genaplah usia INSTUN selama 23 tahun dalam menggalas amanah negara untuk melatih penjawat awam bagi bidang tanah, ukur dan pemetaan. Moga INSTUN akan dapat terus berdiri megah bagi membantu meningkatkan kompetensi modal insan di Malaysia dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan. Amatlah diharap agar INSTUN kekal relevan sebagai satu-satunya ILA dalam menawarkan latihan dan kursus bagi bidang tanah, ukur dan pemetaan negara.

